



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH PEMBANGUNAN
SEMULA KAMPUNG SUNGAI BARU**

30 NOVEMBER 2025

**KAMPUNG SUNGAI BARU
KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة
وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين،
ربنا آتنا من لدنك رحمة، وهيئ لنا
من أمرنا رشدا، رب اشرح لي
صدري، ويسر لي أمري، واحلل
عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

- **Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Naim**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang juga merupakan waris kepada pemilik tanah di Kampung Sungai Baru dan hari ini beliau turut hadir sebagai waris yang akan kembali semula ke tanah milik mereka. Terima kasih Dato' Naim atas kesudian meluangkan masa.
- Yang saya raikan, **para penduduk Kampung Sungai Baru** yang telah menunggu hampir 10 tahun bagi memastikan mereka dapat menghuni semula di Kampung Sungai Baru. Insya-Allah, semuanya akan menjadi realiti tidak berapa lama sahaja lagi.

- Yang Berbahagia **Datuk Seri Noridah**,
Ketua Pengarah
- Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Dato' Fadlun Mak Ujud**
[Ini adalah program rasmi pertama yang saya *address* beliau sebagai Datuk Bandar – tahniah atas pelantikan]
- **Dr. Khairul**, CEO PKB
[dan saya juga ingin berterima kasih kepada semua warga PKB yang membantu saya merealisasikan hasrat Kampung Sungai Baru]
- **Ketua-ketua Agensi**

- **Wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi** yang banyak terlibat dalam memastikan pembangunan semula di Kampung Sungai Baru ini dituntaskan segera
- **Saudara Hadi**, Pengarah KL City Gateway Sdn. Bhd.
- **Rakan-rakan media** yang hadir dan **pemimpin-pemimpin komuniti**, tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Pertama-tama sekali, marilah kita memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, pada hari ini, kita dapat berkumpul dalam satu majlis yang cukup sayu dan bersejarah iaitu bagi kita menyaksikan acara pecah tanah yang akan disempurnakan sendiri oleh penduduk sebentar nanti sebagai simbolik kepada pembangunan semula di Kampung Sungai Baru.

RUMAH GANTI PERLU DISELESAIKAN SEGERA

Saudara-saudari, tuan-tuan dan puan-puan
sekalian,

2. Ketika mana saya dilantik sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan dan diberi taklimat berkenaan isu di Kampung Sungai Baru ini, saya mengambil pendekatan untuk berjumpa dengan semua pihak bagi mendapatkan penyelesaian tuntas terhadap isu legasi ini.

3. Justeru, dalam tempoh beberapa bulan pertama, saya berjumpa dengan beberapa pihak – iaitu pihak yang bersetuju sepenuhnya, kedua pihak yang bersetuju dengan pembangunan semula tetapi masih mempertikaikan isu pampasan, dan ketiga pihak yang tidak bersetuju dengan pembangunan semula ini.
4. Selepas mendengar ketiga-tiga pihak dan saya perlu saksama, iaitu untuk meneruskan pembangunan semula di Kampung Sungai Baru.

5. Menjadi kekesalan saya adalah, hak penduduk yang bersetuju ini sehingga kini masih belum lagi tertunai. Apa hak mereka? Hak mereka adalah untuk mereka kembali semula ke tanah milik mereka di Kampung Sungai Baru ini dan memiliki rumah yang telah dijanjikan oleh pemaju kepada mereka hampir 10 tahun yang lalu. Ada antara mereka yang telah pun meninggal dunia dan tidak sempat menikmati hak mereka. **Ini cukup saya kesalkan.**

6. Kerana itu, saya tegur kepada pemaju untuk segera menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Ada apa-apa masalah yang memerlukan penglibatan saya, maklumkan. Apa yang saya mahu, rumah anda semua segera didirikan tanpa sebarang alasan lagi. Saya tidak kira siapa pemaju – pemilihan pemaju adalah hak penduduk dan tiada campur tangan Kerajaan – namun apa yang saya mahukan, pembinaan rumah ganti perlu diselesaikan dan dituntaskan sesegera mungkin. Hak anda semua mesti dikembalikan!

IDENTITI ASAL KAMPUNG SUNGAI BARU KEKAL

Saudara-saudari, tuan-tuan dan puan-puan
sekalian,

7. Ada pihak yang cuba meniup sentimen bahawa Kampung Sungai Baru akan kehilangan identiti asalnya. Sekali lagi saya tegaskan di sini, walaupun telah banyak kali saya ulang di Parlimen, selagi saya di sini sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, saya bersama pasukan akan memastikan seboleh mungkin identiti Kampung Sungai Baru itu kekal dan tidak akan lenyap.

8. Dalam urusan ini, saya telah minta PKB untuk lihat dengan teliti kesemua aspek untuk memastikan identiti asal, khususnya identiti asal, bukan sahaja identiti Melayu, tetapi adat resam di Kampung Sungai Baru ini kekal terpelihara. Ini bukan pengakhiran kepada Kampung Sungai Baru, malah ini adalah permulaan baru kepada Kampung Sungai Baru yang lebih teratur, moden dan terkehadapan.

KOMITMEN PEMAJU

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian,

9. Bagi memastikan projek ini terus mampan, saya telah meminta pihak pemaju untuk menimbangkan beberapa perkara untuk memastikan penduduk mendapat pulangan yang lebih baik lagi. **Maka, hari ini saya ingin umumkan bahawa pihak pemaju telah pun bersetuju beberapa perkara yang saya cadangkan, iaitu:**

- 8.1 Pertama, caj penyelenggaraan atau ***maintenance fee* secara percuma** bagi tahun pertama selesainya pembangunan semula ini;
- 8.2 Kedua, pihak pemaju juga telah bersetuju untuk **menanggung *maintenance fee* dan dana penampan sebanyak 70 peratus** bagi tahun kedua hingga tahun kesepuluh. Komitmen ini adalah bernilai sehingga 4 juta ringgit.

8.3 Ketiga, pemaju juga bersetuju untuk **menyediakan kelengkapan tambahan rumah** berbentuk *aircond*, hud dan dapur masak bernilai keseluruhan sehingga 2 juta ringgit.

8.4 Dan keempat, pemaju turut bersetuju untuk menanggung kos pembinaan berjumlah 15 juta ringgit untuk menghubungkan Kampong Bharu amnya, dan Kampung Sungai Baru khasnya dengan **akses terus ke Lebuhraya AKLEH.**

10. Sebentar tadi Encik Hadi juga maklumkan tambahan satu lagi petak *parking* percuma untuk setiap unit. Saya ucapkan terima kasih kepada pemaju atas komitmen ini dan pastikan perkara ini direalisasikan.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Apa yang berlaku hari ini adalah kerana komitmen tuan-tuan dan puan-puan sendiri. Kerajaan MADANI hadir dalam kemelut ini untuk bersifat adil dan ihsan, bagi meletakkan sesuatu hak pada tempat yang betul. Mungkin ada anak-anak di hadapan saya ini yang telah menginjak ke umur 9 tahun – darjah 3. Pada waktu pembangunan semula ini dibincangkan, mereka baru berumur 1 tahun.

12. Begitulah lamanya isu ini tidak diselesaikan. Hanya pada waktu Kerajaan MADANI pada hari ini sahaja, perkara ini diselesaikan dan dituntaskan.

13. Saya sentiasa percaya jika kita memudahkan urusan manusia, Allah Subhanahu Wata'ala akan memudahkan urusan kita di dunia dan juga di akhirat nanti, seperti hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wassalam, yang berbunyi:

مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ
الدُّنْيَا، نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ
يَوْمِ الْقِيَامَةِ

*[Man naffasa 'an mu'minin kurbatan
min kurabi ad-dunyā, naffasallāhu
'anhu kurbatan min kurabi yawmil
qiyāmah]*

Mafhumnya: Sesiapa yang membebaskan seseorang dari kesusahan dunia, maka Allah akan melepaskannya dari kesusahan di hari kiamat.

14. Jadi, insya-Allah, sama-sama kita doakan semoga dipermudahkan segala urusan dalam memastikan pembangunan Kampung Sungai Baru ini diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Terima kasih. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.